



**PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA SIHIR:
KAJIAN DI NEGERI SELANGOR**

**[DISSOLUTION OF MARRIAGES DUE TO WITCHCRAFT:
A STUDY IN THE STATE OF SELANGOR]**

KU MU'AZ KU OSMAN^{1*}, MOHD NORHUSAIRI MAT HUSSIN¹ & RAHMAH SAFINAZ NGSPAR¹

¹ * Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Federal Territory of Kuala Lumpur, MALAYSIA.
email: husairi@um.edu.my

Correspondent Email: husairi@um.edu.my

Received: 29 March 2023

Accepted: 7 April 2023

Published: 26 May 2023

Abstrak: Secara umumnya, artikel ini cuba menjelaskan mengenai perkaitan antara sihir dan kes perceraian yang berlaku di Mahkamah Syariah Selangor. Kajian ini memfokuskan kepada kes-kes yang didapati melibatkan dakwaan dan pembelaan berkenaan wujudnya unsur sihir dalam perceraian yang berlaku. Objektif kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan bagi menghubungkan antara konsep perceraian dan sihir dalam Islam. Selain itu, kajian ini juga turut mengkaji kes perceraian yang berlaku disebabkan oleh sihir di Mahkamah Syariah Selangor dan seterusnya meneliti pengendalian kes perceraian melibatkan sihir tersebut. Maklumat berkenaan kajian ini adalah diperoleh menerusi bahan kajian ilmiah seperti artikel-artikel jurnal, laman web dan kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Selangor. Tambahan pula, kajian ini mendapati bahawa kes perceraian yang melibatkan dakwaan sihir adalah tidak dibicarakan berdasarkan prosedur khusus kes sihir. Meskipun terdapatnya kes berkaitan dakwaan sihir dibicarakan di Mahkamah Syariah Selangor, namun didapati hakim tidak membuat keputusan berdasarkan dakwaan dan pembelaan berkenaan wujudnya unsur sihir tersebut, sebaliknya keputusan dibuat berpandukan kepada sumber sedia ada merangkumi keterangan dan bahan bukti. Kajian juga mendapati masih terdapat kepincangan dari segi pengendalian kes-kes yang melibatkan sihir di Mahkamah Syariah sama ada dalam kes jenayah mahupun kes mal yang memerlukan kepada penambahbaikan penggubalan undang-undang khusus berkaitan sihir serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kemudaratan sihir supaya amalan khurafat di negara ini dapat dibendung.

Kata kunci: Pembubaran Perkahwinan, Perceraian, Ilmu Hitam, Sihir, Selangor..

Abstract: In general, this study tries to explain the relationship between witchcraft and divorce cases in the Selangor's Syariah Court. This study focuses on the cases found to involve allegations and defenses of the existence of an element of witchcraft in the divorce that took place. The objective of the study conducted was to relate the concepts between divorce and witchcraft in Islam. In addition, the study also examines divorce cases due to witchcraft in the Selangor's Syariah Court and further examines the handling of divorce cases due to witchcraft. Information for the study was obtained from scholarly research materials such as journal articles, website and cases in Selangor's Syariah Court. Furthermore, the study found that divorce cases involving witchcraft allegations were not tried based on procedures specific to witchcraft cases. Although the allegation of witchcraft was heard in the Selangor Syariah Court, the judges did not make a decision based on the prosecution and defense of the existence of an element of witchcraft, instead it was made based on existing sources of evidence and proof. In

conclusion, there are shortcomings in terms of handling cases involving witchcraft in Syariah Courts either in criminal cases or civil cases that need improvement such as the establishment of witchcraft laws and increase public awareness on the harms of witchcraft so that superstitious practices in the country can be curbed.

Keywords: Dissolution of Marriages, Divorce, Black Magic, Witchcraft, Selangor.

Cite This Article:

Ku Mu'az Ku Osman, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Rahmah Safinaz Ngspar. 2023. Pembubaran Perkahwinan Kerana Sihir: Kajian di Negeri Selangor [Dissolution of Marriages Due to Witchcraft: A Study in The State of Selangor]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(2), 1-23.

PENGENALAN

Perkahwinan dari segi bahasa bermaksud saling memasuki dan pengumpulan/percantuman atau himpun, kumpul dan cantum (JAKIM, 2013: 11). Manakala dari segi istilah syarak pula, terma “perkahwinan” dijelaskan oleh Al-Syarbini (1697) sebagaimana berikut:

عقد يتضمن إباحة وطء بلفظ إنكاح أو تزويج أو ترجمة

Menurut beliau, pernikahan atau perkahwinan merupakan satu akad mencantumkan lelaki dan wanita serta mengharuskan persetubuhan melalui lafaz pernikahan atau perkahwinan atau lafaz-lafaz yang seumpamanya. Hubungan perkahwinan boleh diikat di antara seorang lelaki dengan seorang wanita atau seorang lelaki dengan lebih daripada seorang wanita. Bilangan wanita yang boleh dikahwini pula adalah terhad kepada empat orang sahaja dalam sesuatu masa. Firman Allah SWT dalam Al-Qur'an:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٣﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.” (Surah An-Nisa ayat 3)

Selanjutnya, Allah SWT juga berfirman sebagaimana berikut:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُعْطِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: “Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan.” (Surah An-Nuur ayat 32)

Undang-undang keluarga Islam di negara ini asasnya membenarkan amalan poligami dalam sesebuah institusi perkahwinan. Namun begitu, kebenaran tersebut adalah disertakan dengan syarat bahawa lelaki yang berhasrat untuk berpoligami hendaklah berlaku adil terhadap isteri atau para isteri sedia ada serta berkeupayaan menanggung nafkah dan perbelanjaan keluarga. Menerusi pemerhatian di peringkat global, terdapat sesetengah negara yang melarang amalan poligami atas sebab-sebab tertentu, bahkan larangan tersebut juga turut dilaksanakan di beberapa negara Islam. Menyingkap lebih lanjut, tujuan pensyarian sesebuah perkahwinan adalah sebagai salah satu bentuk ibadah yang dianjurkan kepada umat manusia dengan matlamat bagi mencapai keredaannya di samping memenuhi fitrah untuk berpasangan, berkasih sayang serta bertujuan bagi mengawal hawa nafsu dalam diri.

Menurut Mariam Abd Majid dan Mohammad Syafirul Zarif (2017: 42), sifat *mawaddah* dan *rahmah* dalam rumah tangga dapat direalisasikan menerusi sikap saling menjaga, saling melindungi, saling membantu serta saling memahami hak dan kewajiban antara pasangan. Namun demikian, realiti di dalam sesebuah perkahwinan pasti akan ada pasang surut serta ujian yang melanda setiap pasangan. Oleh itu, kerjasama dan toleransi di antara suami isteri adalah amat penting khususnya bagi menangani setiap ujian di sepanjang melayari bahtera perkahwinan.

Berdasarkan kepada trend perceraian dalam kalangan masyarakat, adalah didapati bahawa isu perselisihan faham antara pasangan merupakan di antara faktor signifikan yang membawa kepada berlakunya perceraian (Mariam Abd Majid & Mohammad Syafirul Zarif, 2017: 43). Dalam hal ini, gangguan pihak ketiga dalam perkahwinan termasuklah melalui pendekatan sihir, boleh menjadi punca kepada perselisihan faham antara pasangan tersebut. Gangguan sihir dalam perkahwinan merupakan senario yang sememangnya wujud dalam masyarakat serta dilakukan atas dasar hasad dengki dan iri hati. Gangguan sihir sedemikian dilakukan melalui perantara tukang sihir seperti bomoh, dukun atau pawang untuk menghantar sihir dengan tujuan merosakkan sesebuah hubungan perkahwinan. Kepercayaan khurafat oleh golongan yang mengamalkan sihir ini jelas membawa kemudaratan, berikutan ianya dilakukan dengan niat bagi meruntuhkan rumahtangga orang lain dan secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian di Malaysia.

Menerusi konteks yang lebih luas, kebanyakan suku kaum dan bangsa dalam masyarakat di seluruh dunia termasuklah masyarakat melayu di negara ini adalah memiliki warisan ilmu hitam atau ilmu sihir tersendiri. Dari segi sejarahnya, ilmu sihir merupakan saki-baki amalan tinggalan kepercayaan animisme dalam masyarakat awal di Tanah Melayu

sebelum kedatangan agama Hindu, Buddha dan Islam serta pengamalannya dipercayai masih lagi wujud sehingga ke hari ini (Ainun Jariah Mat Hassan, 2016: 1). Zainal Abidin Kusmin (2017: 1-19) dalam kajiannya menyatakan bahawa di antara faktor kepada berlakunya perceraian turut berkait dengan adanya gangguan makhluk halus termasuklah gangguan sihir dalam perkahwinan. Malah, disebabkan trend peningkatan kadar perceraian dikatakan berlaku oleh faktor gangguan sihir dalam perkahwinan, maka perhatian mula diberikan oleh mahkamah terhadap isu gangguan sihir ini semasa mengendalikan kes, sebagaimana boleh dilihat menerusi kes *Mustafa Batcha lwn Habeeba Abd. Rahman* [1410] JH 41 dan [1412/1990] 7 JH 225. Dalam kes tersebut, perayu dilaporkan tidak sedar telah melafazkan talak tiga kepada isterinya berikutan ketika itu beliau telah terkena gangguan sihir. Justeru itu, di peringkat Mahkamah Rayuan, hakim telah menerima hujah yang dikemukakan perayu terutamanya berkenaan isu sihir yang berlaku serta memerintahkan agar kes tersebut dibicarakan semula (Mahyuddin Ismail, 2012: 3). Berdasarkan perkembangan semasa, mahkamah syariah khususnya di Selangor dilihat agak terkedepan apabila telah mula membincangkan secara serius serta mengambil langkah sewajarnya bagi mengkaji dan membentuk prosedur khusus dalam mengendalikan kes sedemikian (JAKESS, 2018).

Sehingga ke hari ini, tiada peruntukan khusus berkaitan jenayah sihir serta kes-kes yang membabitkan unsur sihir ini dikendalikan di kedua-dua sistem kehakiman syariah dan juga sivil. Bagi kes-kes perceraian dengan dakwaan sihir, ianya dikendalikan mengikut prosedur undang-undang keluarga Islam di mahkamah syariah, manakala kes-kes jenayah berunsurkan sihir yang mengakibatkan kematian atau sebarang kemudaratannya adalah dibicarakan menerusi peruntukan Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa mahkamah sivil. Oleh kerana ketiadaan peruntukan dan prosedur yang jelas untuk mengendalikan kes-kes melibatkan sihir, maka pakar undang-undang seperti Profesor Madya Dr. Khairil Azmin Mokhtar, telah mencadangkan agar tatacara pengendalian kes-kes melibatkan sihir segera dilaksanakan melalui penubuhan satu badan penyiasatan khas di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) (Hasniza Hussain, 2021). Sementara itu, Profesor Dr. Nik Ahmad Kamal pula menjelaskan bahawa fenomena sihir yang berlaku dalam kalangan masyarakat perlu ditangani sewajarnya berikutan ia merupakan satu bentuk perbuatan yang kejam serta mampu menyebabkan kecederaan kekal, mahupun membawa maut tanpa dapat dikesan melalui kaedah rawatan moden (Junhairi Alyasa, 2021).

Secara umumnya, gangguan sihir dianggap sebagai salah satu punca kepada keretakan hubungan suami isteri sehingga boleh membawa kepada perceraian. Sekiranya isu mengenai gangguan sihir dalam perkahwinan ini tidak diteliti dengan tuntas, adalah dibimbangi kesannya secara meluas dapat mengancam kesejahteraan institusi kekeluargaan serta keharmonian dalam masyarakat. Hal demikian kerana risiko perceraian yang berlaku lazimnya adalah amat berdampak terhadap aspek kebajikan dan kemenjadian peribadi anak-anak berikutan runtuhnya ikatan perkahwinan di antara kedua-dua ibu bapa mereka. Malah, keharmonian masyarakat turut terganggu disebabkan pengamalan sihir yang masih berleluasa berikutan kelompangan dalam sistem perundangan sedia ada bagi mengendalikan kes-kes melibatkan unsur sihir ini. Justeru itu, tulisan ini bertujuan menghuraikan berkenaan hubungan kait di antara gangguan sihir dengan perceraian yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Selangor serta kes-kes berkaitan dan cadangan penambahbaikannya.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kepercayaan terhadap ilmu dan alam ghaib telah lama berakar umbi dalam kalangan masyarakat terutamanya bagi masyarakat Melayu dan pengamalannya merupakan warisan turun-temurun serta amat sukar untuk dihapuskan. Walaupun terdapat mereka yang menganggap bahawa pengamalan sebegini adalah memiliki keunikan tradisi dan sejarah kepercayaan tersendiri, akan tetapi sekiranya amalan yang dilakukan tersebut adalah bertentangan hukum syarak serta membawa kemudharatan kepada pihak lain, maka tindakan sewajarnya perlulah diambil bagi menangani praktis tersebut daripada terus berlanjutan.

Pengamalan ilmu sihir dipercayai berlaku dengan memperturunkan ilmu sihir tersebut daripada individu kepada individu yang lain mahupun kepada sesebuah kelompok masyarakat. Pengamal kepada ilmu sihir ini kebiasaannya adalah jarang diketahui umum serta tidak gemar menonjolkan diri. Menurut Sabree Nasri (2015: 51-58), masih terdapat segelintir masyarakat yang tegar mengamalkan sihir dengan cara menawarkan khidmat atau servis untuk merawat sakit mahupun menganiaya orang lain. Perbuatan menganiaya orang lain melalui sihir sehingga mencederakan atau menyebabkan kematian adalah diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah menurut undang-undang di Malaysia. Meskipun demikian, pelaksanaan kepada undang-undang jenayah berasaskan unsur sihir masih belum dapat direalisasikan memandangkan terdapatnya beberapa halangan seperti ketidaksempurnaan medium serta prosedur pengendalian berkenaan sihir di negara ini.

Di samping itu, ilmu sihir ini seperti mana yang dijelaskan oleh Nizam Sahad & Shuhairimi Abdullah (2013: 227) adalah merupakan konsep umum yang terkandung di bawahnya beberapa jenis ilmu sihir yang khusus seperti santau. Sihir lazimnya berkait rapat dengan amalan pemujaan serta campur tangan jin dan syaitan. Kesan perbuatan sihir tersebut kebiasaannya tidak kelihatan oleh mata kasar manusia, namun ianya boleh dikesan sama ada melalui tindak-tanduk mangsa, keadaan sekeliling mahupun melalui individu lain selain daripada mangsa. Dalam praktis masyarakat melayu semenjak dahulu sehingga kini, amalan sihir pemisah merupakan bentuk amalan sihir yang lazim dilakukan melalui perantara ahli sihir bertujuan bagi menimbulkan perselisihan serta memecahbelahkan hubungan antara pasangan.

Pengamalan sihir pemisah sedemikian telah menimbulkan tanggapan umum bahawa ianya mampu meruntuhkan sesebuah perkahwinan seterusnya akan memberikan impak terhadap peningkatan kadar pembubaran perkahwinan di Malaysia. Penulisan oleh Raihanah Abdullah (2000: 139-140) telah menjelaskan bahawa sebarang tuntutan perceraian termasuklah fasakh yang ingin dilaksanakan, adalah wajib mengikut hukum syarak dan undang-undang yang terpakai berserta dengan sebab dan alasan yang munasabah sahaja. Secara tersiratnya pernyataan ini adalah bermaksud bahawa tiada perceraian yang boleh dilaksanakan atas alasan yang remeh mahupun dilakukan secara sewenang-wenangnya meskipun di sisi Islam terdapatnya hak kebebasan suami untuk melafazkan talak. Apatah lagi sekiranya dalam situasi pengesahan perceraian melibatkan unsur sihir yang dilafazkan oleh suami, maka sudah pastilah penelitian yang lebih mendalam terhadap aspek pembuktian dan keterangan perlu dilakukan sebelum mahkamah membuat sebarang keputusan mengenai sama ada jatuh atau tidak talak yang dilafazkan tersebut. Pertimbangan khusus oleh mahkamah dalam menilai situasi sedemikian adalah berdasarkan kepada keadaan mangsa yang disihir adalah umumnya tidak berada pada tahap kesihatan dan kesedaran akal yang optimum bagi melafazkan talak.

Disebabkan itu, status keesahan lafaz talak tersebut adalah diragui dan boleh dipertikaikan lebih-lebih lagi sekiranya lafaz talak tersebut adalah dilakukan di luar mahkamah.

Oleh sebab itu, perbicaraan kes pembubaran perkahwinan jika melibatkan pasangan yang berada di bawah pengaruh sihir adalah memerlukan kepada penyiasatan dan penelitian rapi terutamanya terhadap bukti-bukti keterangan kerana ia melibatkan unsur pengaruh yang tidak kelihatan pada mata kasar. Menurut Mahyuddin Ismail (2012: 3), sesebuah kes perceraian yang melibatkan ilmu sihir adalah berlaku dalam keadaan di luar daripada kebiasaan serta membabitkan peristiwa-peristiwa aneh yang melangkaui batas fikiran manusia. Sehubungan itu, kedua-dua pasangan adalah berpotensi untuk terkesan dengan gangguan sihir yang dihantar tersebut. Misalnya berikutan gangguan sihir yang dialami, pihak suami tanpa sengaja memiliki perasaan benci dan meluat terhadap isteri sehingga sanggup mendatangkan kecederaan ataupun keadaan di mana pihak isteri berperangai pelik dengan mendesak suami agar menceraikannya tanpa sebab munasabah. Oleh sebab itu, beban pembuktian membabitkan kes sebegini mestilah ditanggung oleh pihak yang mendakwa akan wujudnya gangguan sihir dalam rumah tangga mereka. Elemen pembuktian ini boleh dilakukan dengan meneliti beberapa sudut keadaan seperti simptom-simptom disihir, kelakuan aneh pasangan seperti hilang kewarasan ketika lafaz talak diucapkan atau hilang pertimbangan dalam kehidupan seharian. Dalam hal ini, adalah penting bagi mahkamah agar dapat membezakan unsur gangguan sihir dalam perceraian ini dengan penyakit zahir yang menjejaskan kesihatan pihak-pihak supaya kelak tidak berlakunya kekeliruan bagi mahkamah membuat keputusan dengan adil dan saksama.

Selanjutnya, Mahyuddin Ismail (2012: 262) berpendapat bahawa, kes perceraian disebabkan sihir ini merupakan isu yang perlu diberikan perhatian serius oleh badan kehakiman di negara ini dengan mengambil langkah proaktif bagi menangani kes-kes sebegini. Ketiadaan undang-undang substantif dan prosedur yang jelas berkaitan jenayah sihir ini telah menjadi kekangan terhadap perlaksanaan undang-undang serta perlu diselesaikan segera. Selain itu, cadangan berkenaan aspek undang-undang keterangan menerusi konsep beban pembuktian mengenai wujudnya pengaruh sihir sama ada dalam kes membabitkan jenayah mahupun kes mal berkaitan perceraian adalah wajar diguna pakai sebagai kayu ukur bagi mahkamah dalam membuat keputusan serta menegakkan keadilan terhadap pihak-pihak (Mahyuddin Ismail, Abd Jalil Borham & Sharifah Intan Safina, 2014: 161).

AMALAN SIHIR DI SISI SYARAK

Pengetahuan dan pemahaman umum masyarakat mengenai ilmu hitam dan ilmu sihir adalah sebenarnya tidak menyimpang jauh daripada apa yang telah diperkatakan oleh para cendekiawan Islam. Dalam kitab *Lisan al-'Arabi* jilid ke-4 pada halaman 383 oleh Ibnu Manzur, beliau telah menjelaskan mengenai sihir ini adalah sebagaimana berikut: "Sihir merupakan satu amalan yang mendekatkan diri kepada syaitan dengan balasan bantuan daripadanya."

Amalan sihir lazimnya adalah tidak terpisah daripada aspek pemujaan salah, ritual-ritual yang menyesatkan dan korban-korban atau bayaran yang tidak masuk akal dengan pertukaran bagi mendapat kesaktian yang boleh digunakan untuk menyesatkan manusia lain. Ibnu Manzur dalam hal ini turut berpandangan bahawa ilmu sihir ini hakikatnya adalah merupakan suatu bentuk manipulasi realiti kepada khayalan agar manusia tertipu, serta percaya akan keajaiban

yang dilihat (Mohd Nizam Sahad & Shuhairimi Abdullah, 2013). Menurut Ibnu Qudamah al-Maqdisi, sihir adalah merupakan suatu ikatan, jampi dan perkataan yang diucapkan atau ditulis serta mampu mendatangkan kesan atau akibat terhadap tubuh mangsa yang disihir sama ada pada hati atau akal tanpa menyentuhnya secara langsung (Ainun Jariah Mat Hassan, 2016: 4). Penjelasan tersebut adalah berpandukan kepada kisah Nabi Musa A.S dengan Firaun sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat berikut:

قَالُوا يَا مُوسَىٰ إِنَّمَا أَن تُلْقِي وَإِنَّمَا أَنْ تَكُونُ نَحْنُ الْمُلقِينَ ﴿١١٥﴾ قَالَ ألقُوا فَلَمَّا ألقُوا سَحَرُوا
 أَعْيُنَ النَّاسِ وَاسْتَرْهَبُوهُمْ وَجَاءُوا بِسِحْرٍ عَظِيمٍ ﴿١١٦﴾ وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ ألقِ عَصَاكَ
 فَإِذَا هِيَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ ﴿١١٧﴾ فَوَقَعَ الْحَقُّ وَبَطَلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١١٨﴾

Maksudnya: “Mereka berkata: “Hai Musa! Engkakah yang akan mencampakkan (tongkatmu lebih dahulu) atau kamikah yang akan mencampakkan (lebih dahulu)?” (115) Nabi Musa menjawab: “Campakkanlah kamu (dahulu)!” Maka apabila mereka mencampakkan (tongkat-tongkat dan tali masing-masing), mereka menyilap mata orang ramai dan menjadikan orang-orang itu merasa gerun, serta mereka melakukan sihir yang besar (keadaan dan caranya) (116) Dan Kami wahyukan kepada Nabi Musa: “Campakkanlah tongkatmu!” Maka tiba-tiba tongkat itu menelan apa yang mereka pura-pura adakan (dengan sihir mereka) (117) Maka sabitlah kebenaran (mukjizat Nabi Musa), dan batallah (sihir) yang mereka telah lakukan (118).” (Surah Al-‘Araf ayat 115-118)

Berdasarkan ayat tersebut, adalah dirumuskan bahawa ilmu sihir yang diamalkan oleh segelintir golongan masyarakat hanyalah merupakan satu bentuk tipu daya yang bertujuan bagi mengaburi mata manusia lain dengan ilusi atau gambaran sesuatu yang bukan realiti. Kepercayaan terhadap sebarang anasir yang boleh mengganggu-gugat akidah seperti dengan mengamalkan sihir ini boleh menyebabkan terjerumusnya seseorang kepada perlakuan syirik. Amalan khurafat sedemikian yang masih lagi teguh diamalkan oleh segelintir pihak termasuklah dalam kalangan umat Islam ini adalah didasari oleh beberapa faktor termasuklah kejahilan terhadap ilmu agama, kelemahan iman, serta mudah terpedaya dengan godaan syaitan dan hawa nafsu untuk mengamalkan perbuatan syirik melalui penggunaan ilmu sihir (Muna Hamzan, 2020: 394-395). Larangan tegas terhadap sebarang perbuatan yang mensyirikkan Allah SWT melalui pengamalan sihir ini adalah selari dengan fatwa kebangsaan 1993 yang telah memutuskan sebagaimana berikut:

“Amalan ilmu hitam merupakan perbuatan sihir adalah dosa besar, dan boleh membawa kepada syirik serta hukum mempelajarinya adalah haram, pengamal sihir yang mendatangkan mudarat kepada manusia adalah berdosa besar dan pelaku jenayah, maka wajib dihukum qisas atau hudud, pihak berkaitan hendaklah menyediakan peruntukan undang-undang bagi menghukum pengamal-pengamal yang sabit melakukan sihir”.

Malah, jika dikaitkan dengan kes-kes lafaz talak oleh suami yang mendakwa telah dipengaruhi ilmu sihir, kebiasaannya pihak suami tersebut akan mengatakan bahawa fikiran mereka telah diganggu dengan pelbagai hasutan yang menyebabkan mereka melafazkan lafaz talak tanpa sedar dan kerelaan hati. Selain itu juga, terdapat sesetengah kejadian berkenaan sihir pemisah berlaku di mana salah satu pihak akan dibuat sentiasa kelihatan tidak menarik di mata pasangannya malah adakalanya seolah-olah menjelma dalam bentuk rupa haiwan atau rupa paras makhluk lain yang kelihatan hodoh dan menyeramkan. Sihir pemisah yang sengaja dihantar kepada mangsa juga adalah bermaksud untuk menghilangkan perasaan kasih sayang antara ahli keluarga, memisahkan hubungan suami isteri, menghilangkan kewarasan akal, memperoleh harta melalui tipu daya dan muslihat, serta mampu menyebabkan pelbagai penyakit sehingga kepada tahap membunuh mangsa secara jarak jauh tanpa perlu disentuh (Mahyuddin Ismail, 2012: 264-265). Selain daripada sihir pemisah, jenis-jenis sihir lain yang lazimnya digunakan untuk merosakkan rumah tangga seseorang adalah melalui kaedah santau, sihir pembenci, pelalau, ilmu pengasih, ilmu guna-guna dan sihir yang dihantar khusus bagi menyebabkan gangguan mental kepada mangsa (Mahyuddin Ismail, 2012). Bentuk sihir-sihir seperti ini sememangnya terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu serta tidak dapat dipisahkan dengan ilmu alam ghaib yang diwarisi sejak zaman nenek moyang terdahulu.

Asal-usul kepada ilmu sihir adalah berdasarkan kepada kisah malaikat Harut dan Marut yang berlaku di zaman Nabi Sulaiman, sebagaimana dijelaskan menerusi ayat berikut:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ ۖ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ
النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أَنزَلَ عَلَى الْمَلَائِكَةِ يُبَايِعُ هَارُوتَ وَمَارُوتَ ۚ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا
نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ ۚ وَمَا هُم بِضَارِينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ
إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلَّمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَقٍ ۚ
وَلَيْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنفُسَهُمْ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: “Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)”. Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang

hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telah pun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui.” (Surah Al-Baqarah ayat 102).

Daripada ayat berkenaan, jelas sekali dapat difahami bahawa pengamalan ilmu sihir ini telah muncul dalam peradaban manusia sejak dahulu lagi. Disebabkan oleh nafsu yang bermaharajalela di dalam diri manusia, amalan ilmu sihir telah sekian lama digunakan sebagai medium untuk membuat perkara yang dilarang termasuklah bagi merosakkan perkahwinan orang lain.

Dalam perspektif sirah, amalan ilmu sihir ini juga telah wujud pada zaman baginda Rasulullah SAW lagi. Berdasarkan riwayat oleh Abu Usamah daripada Aisyah R.A, bahawa Rasulullah SAW telah terkena sihir sehingga baginda ketika itu tidak menyedari akan apa yang telah diperlakukan kepadanya, bahkan juga tidak mengetahui akan apa yang baginda lakukan. Peristiwa tersebut dirakamkan menerusi mafhum hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, iaitu:

Maksudnya: “Diriwayatkan daripada ‘Aishah RA telah berkata: “Rasulullah S.A.W telah disihir oleh seorang lelaki dari Bani Zuraiq yang bernama Labid bin al-A’sam sehingga baginda berasa khayal melakukan sesuatu perkara, padahal baginda tidak melakukannya. Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam ketika berada di sisiku baginda berdoa dan terus berdoa. Kemudian Nabi SAW: “Wahai ‘Aishah, apakah engkau merasakan bahawa Allah SWT telah mendatangkan fatwa ketika aku benar-benar memerlukannya? Telah datang kepadaku dua orang lelaki, lalu salah seorang daripadanya duduk berhampiran kepalaku, dan seorang lagi berhampiran kakiku”. Berkata lelaki yang berada berhampiran kepala kepada temannya yang berada berhampiran kakinya: “Apakah penyakit lelaki ini?”. Lalu dijawab: “Terkena sihir”. Berkata lagi: “Siapa yang menyihirnya”, lalu dijawab: “Labid bin al-A’sam. Berkata lagi: “Dengan (bahan) apa (disihir)?”, lalu dijawab: “Pada sikat dan rambut, dan kemudian dibungkus dengan seludang tamar jantan muda” (Lelaki itu) bertanya lagi: “Di mana letaknya benda itu”. Lalu dijawab: “Di dalam telaga Dharwan”. Maka Rasulullah SAW mendatangi telaga itu bersama dengan beberapa orang sahabat baginda (Setelah kembali) Nabi S.A.W berkata: “Wahai ‘Aishah, telaga yang aku lihat itu airnya berwarna merah-kemerahan seperti inai. Rupa pohon tamar itu seperti kepala-kepala syaitan”. Aku (‘Aishah) bertanya: “Ya Rasulullah, kenapa tidak dikeluarkan sahaja benda itu?”. Baginda menjawab: “Jangan! Allah telah menyembuhkan daku. Aku tidak suka mengenakan kejahatan seperti ini ke atas orang lain”. Lalu baginda menyuruh agar ditimbus bahan-bahan sihir dalam telaga itu.” (Khadher Ahmad & Sedek Ariffin, 2013: 29)

Mafhum hadis di atas memberikan gambaran bahawa gangguan sihir adalah boleh terjadi kepada sesiapa sahaja hatta kepada para nabi dan rasul apabila diizinkan oleh Allah SWT. Mangsa yang disihir kadangkala berada dalam keadaan tenat ekoran daripada ditimpa penyakit yang sukar diubati serta datang dalam keadaan berbentuk mistik dan tidak dapat dikesan secara fizikal.

Konsep dalam amalan ilmu sihir adalah untuk menipu daya pihak mangsa yang disihir dengan menghilangkan kewarasannya sepanjang mangsa berada di bawah pengaruh sihir. Mangsa kebanyakannya tidak akan sedar ketika mana mereka sedang disihir sehinggalah kepada suatu masa pengaruh sihir tersebut berjaya dikesan oleh pihak yang berkemahiran serta berpengalaman dalam perubatan alternatif Islam dan tradisional. Berdasarkan kepada pengalaman yang dialami oleh mangsa sihir, mereka lazimnya akan mengalami banyak kesukaran dalam menjalani kehidupan seharian serta mengalami gangguan kesihatan sama ada dari segi fizikal mahupun mental di sepanjang tempoh terkena sihir tersebut. Dalam masa yang sama, terdapat juga keadaan di mana mangsa sihir ini mengalami simptom penyakit yang ganjil dan sukar dikesan hingga menyebabkan sakit yang dialami tersebut tidak mampu dirawat oleh mana-mana doktor perubatan moden. Keadaan penyakit yang sukar dikesan sedemikian juga boleh menjurus kepada pelbagai penyakit lain termasuklah penyakit yang melibatkan mental dan psikologi akibat tekanan yang diterima oleh mangsa sihir ini. Bukan itu sahaja, malah mereka yang tergolong sebagai mangsa sihir ini juga turut berisiko menerima kesan-kesan negatif secara berterusan sama ada dari sudut ancaman terhadap kesihatan mahupun tekanan yang dialami daripada masyarakat sekeliling. Dalam konteks sosial pula, mangsa sihir kadangkala terpaksa berhadapan situasi sukar di mana hubungan mereka dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan kenalan terputus disebabkan insan sekeliling dengan sengaja bertindak menjarakkan diri daripada mangsa sihir tersebut. Berikutan timbulnya bermacam-macam implikasi buruk khasnya terhadap mangsa sihir, maka pengamalan sihir dalam masyarakat perlulah ditangani melalui mekanisme undang-undang yang dikuatkuasakan dan digubal secara khusus.

Di samping itu, ilmu sihir dari perspektif syarak adalah termasuk dalam bentuk kategori ilmu yang dihukumkan sebagai haram untuk mempelajarinya. Hal demikian kerana keburukan yang terdapat pada ilmu sihir ini adalah amat besar serta mampu memudaratkan. Antara contoh kes yang melibatkan pengamalan sihir ini sabit di mahkamah boleh dilihat menerusi kes *Pendakwa Raja Iwn Mat Saad bin Mat Isa & 2 Lagi* [2005] 1 AMR 29 (Mahyuddin Ismail et al, 2017: 62-63). Dalam kes tersebut, elemen keterangan mengenai sihir telah diterima pakai sebagai pertimbangan mahkamah dalam memutuskan wujudnya kesalahan jenayah oleh pihak tertuduh. Secara tidak langsung, dapatan kes ini menghuraikan bahawa perbuatan mempelajari dan mempraktikkan ilmu sihir boleh dikategorikan sebagai satu bentuk kesalahan jenayah kerana dengan sengaja berniat mencederakan orang lain malah boleh menyebabkan kematian sekiranya mangsa gagal mendapatkan rawatan dalam tempoh tertentu. Namun demikian, kelompangan undang-undang yang ada ketika ini telah menyebabkan penguatkuasaan terhadap amalan sihir dalam masyarakat masih tidak dapat dilaksanakan secara komprehensif.

SIHIR YANG LAZIM DIALAMI DALAM KES PERCERAIAN

Secara amnya, terdapat pelbagai jenis sihir yang wujud dalam kalangan masyarakat khususnya bagi komuniti berbangsa Melayu. Daripada jenis-jenis tersebut, terdapat beberapa jenis sihir yang lazim dikaitkan dengan kes perceraian seperti santau, sihir dengan tujuan memisahkan suami isteri (sihir pemisah) serta sihir guna-guna bagi menundukkan mangsa (sihir penunduk). Selain itu, jenis sihir lain yang turut biasa dialami oleh rata-rata mangsa membabitkan kes perceraian sebegini adalah seperti sihir melalui silap mata yang digunakan untuk memperdayakan pandangan (hipnosis). Di antara jenis sihir-sihir tersebut, sihir yang dianggap paling berbahaya pula ialah jenis sihir yang mampu membuat seseorang menjadi gila dan celaru fikiran, mendatangkan penyakit yang sukar diubati oleh kaedah perubatan moden, serta boleh memudaratkan fizikal mangsa agar sering kelihatan tidak bermaya (Ainun Jariah Mat Hassan, 2016: 4).

Menurut Zainal Abidin Kusmin (2017: 3), keadaan sesebuah perkahwinan yang terkena gangguan sihir pemisah kebiasaannya akan berhadapan situasi di mana perasaan cinta antara pasangan suami isteri menjadi pudar serta-merta dan bertukar kepada kebencian. Ini kerana sihir pemisah atau sihir *al-tafriq* adalah digunakan bagi tujuan memisahkan hubungan suami isteri mahupun dalam kalangan ahli keluarga dan rakan-rakan. Keadaan sedemikian juga ditambah dengan kelakuan aneh oleh pasangan seperti sikap gemar menjauhkan diri daripada pasangan tanpa alasan munasabah. Selain itu, terdapat juga situasi mangsa yang terkena gangguan sihir pemisah ini di mana pasangan suami isteri tersebut tidak lagi selesa berada di rumah serta lebih banyak menghabiskan masa berada di luar berbanding menghabiskan masa bersama keluarga di rumah. Sihir pemisah ini turut menimbulkan keraguan dalam hati setiap pasangan yang mengakibatkan sering terjadinya perbalahan serta rasa berat untuk saling memaafkan sehingga mendorong pihak-pihak untuk melakukan tuntutan cerai di mahkamah.

Selanjutnya, sihir penunduk yang digunakan dalam kes melibatkan perceraian pula adalah bagi memaksa orang lain yang menjadi mangsa sihir untuk mentaati segala arahan mahupun saranan pengamal ilmu sihir ini. Mangsa dalam keadaan ini akan menjadi sentiasa teringat dan sering berasa rindu yang ekstrem terhadap pengamal ilmu sihir tersebut. Mangsa bagi sihir penunduk ini juga lazimnya turut mentaati apa sahaja perintah dan kehendak pengamal ilmu sihir walaupun tanpa kerelaannya kerana jampi yang digunakan dalam sihir ini bertujuan menundukkan serta menguasai perasaan dan pertimbangan akal mangsa. Dalam kes *Re Wan Norsuriya* [1414] JH 211, mahkamah semasa memutuskan kes ini telah berpendapat bahawa pemohon berada di bawah pengaruh sihir ketika melangsungkan perkahwinan bersama responden berdasarkan keterangan dan pembuktian yang dikemukakan di mahkamah. Justeru itu, perkahwinan tersebut telah disabitkan sebagai tidak sah di sisi syarak serta tidak dapat diiktiraf di sisi undang-undang (Zainal Abidin Kusmin, 2016: 7).

Manakala yang terakhirnya bagi jenis sihir yang biasa berlaku dalam kes melibatkan perceraian adalah jenis sihir berbentuk santau. Santau merupakan salah satu cabang ilmu sihir yang dihantar oleh pengamal atau tukang sihir dengan tujuan untuk membinasakan seseorang sama ada mencederakan atau menyebabkan kematian. Santau umumnya adalah terbahagi kepada dua jenis iaitu santau hakiki dan santau angin. Santau hakiki adalah terdiri daripada bahan-bahan beracun dan merbahaya namun ianya mudah diubati. Manakala santau angin pula adalah melibatkan pemujaan jin dan syaitan yang membantu menghantar santau secara halus.

serta amat sukar diubati (Ainun Jariah Mat Hassan, 2016: 7). Oleh itu secara kesimpulannya, adalah didapati bahawa ketiga-tiga jenis-jenis sihir sebagaimana yang telah dijelaskan ini merupakan sihir yang seringkali menimbulkan konflik dalam pasangan berumah tangga mahupun lazim dikaitkan dengan kes-kes perceraian di mahkamah.

CONTOH KES PERCERAIAN DENGAN DAKWAAN SIHIR DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR

Secara amnya, kes-kes perceraian yang melibatkan unsur sihir di Negeri Selangor adalah tidak asing lagi berlaku dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, penghakiman bagi kes-kes perceraian berunsurkan sihir dengan menerima elemen pembuktian terhadap dakwaan sihir tersebut dilihat masih lagi dikatakan agak janggal dilaksanakan di mahkamah syariah berikutan terdapatnya kekangan dalam aspek prosedur dan pembuktian. Sehubungan itu, ulasan beberapa kes-kes terpilih akan memberikan gambaran lanjut mengenai pertimbangan mahkamah sama ada menerima atau menolak dakwaan sihir yang berlaku dalam kes-kes perceraian tersebut.

Menerusi kes saman no. 10002-055-0506-2014 MRS Bandaraya Shah Alam Selangor di antara Mas Fazlin bin Mohamad Jailani *lwn* Abdul Halim bin Din, kes ini asasnya adalah melibatkan satu permohonan perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Negeri Selangor 2003 namun Mahkamah memutuskan kes diselesaikan melalui kaedah Hakam. Selepas tempoh proses Hakam berlangsung sebanyak dua kali, jawatankuasa pendamai telah merekodkan satu catatan daripada wakil defendan bahawa terdapat unsur gangguan sihir pada diri plaintif yang diketahui berdasarkan simptom-simptom dan watak plaintif. Hal tersebut dikenal pasti oleh wakil defendan sendiri yang juga merupakan seorang perawat di mana sebelum itu beliau pernah cuba berusaha merawat plaintif. Namun demikian, laporan tersebut telah ditolak dan tidak diberi perhatian oleh pihak Mahkamah dan akhirnya Mahkamah menyabitkan perceraian di antara plaintif dengan defendan berikutan telah berlakunya *syiqaq* yang berpanjangan.

Seterusnya berdasarkan kes saman no. 10005-054-1718-2012 MRS Hulu Langat Selangor antara Shahrul Nizam bin Kadir *lwn* Elina binti Ibrahim, di mana kes ini merupakan kes pengesahan lafaz cerai di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003. Dalam kes ini, saksi pakar telah dibawa oleh plaintif bagi menyokong dakwaan bahawa dirinya mengalami gangguan sihir. Saksi pakar tersebut adalah merupakan seorang yang terlibat dalam rawatan Islam walaupun tidak merawat plaintif secara langsung. Semasa keterangan dikemukakan, saksi pakar tersebut berpendapat bahawa plaintif sememangnya memiliki simptom terkena gangguan sihir walaupun beliau sebenarnya tidak tahu akan keadaan plaintif ketika waktu kejadian. Oleh itu, mahkamah dalam kes ini juga menolak dakwaan sihir yang wujud ketika talak dilafazkan tersebut dan berpendapat bahawa saksi yang dipanggil tidak mampu membantu meyakinkan mahkamah berkaitan simptom gangguan sihir yang dialami oleh plaintif.

Dalam kes saman no. 10002-154-1021-2008 MRS Bandaraya Shah Alam Selangor antara Zulkefli bin Zakaria *lwn* Siti Rubiah binti Sibadar, kes ini adalah berkaitan pengesahan lafaz cerai di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003. Plaintif dalam kes ini telah mendakwa bahawa beliau berada dalam keadaan tidak sedar ketika melafazkan cerai di hadapan rakannya dan telah mengatakan bahawa lafaz tersebut dibuat atas arahan daripada rakannya. Manakala defendan juga tidak menafikan kenyataan bahawa plaintif

semenjak berkawan dengan rakannya itu seolah-olah telah dikawal olehnya. Maka plaintif telah membawa saksi yang merupakan seorang perawat Islam sebagai keterangan pakar. Perawat tersebut semasa memberikan keterangan telah mengakui kewujudan simptom gangguan sihir yang terdapat pada plaintif. Oleh itu, Mahkamah kemudiannya memutuskan bahawa perceraian tidak berlaku berdasarkan keterangan dan sumpah penafian plaintif. Namun demikian, keterangan perawat tersebut adalah tidak dikategorikan sebagai satu bentuk keterangan pakar, akan tetapi hanya sekadar membantu mahkamah dalam memutuskan kes tersebut.

Bagi kes saman no. 10001-054-1826-2014 MRS Petaling Jaya Selangor di antara Rozila binti Mat Don *lwn* Abdul Rashidi bin Ahmad Shamsuil, kes ini juga adalah melibatkan permohonan pengesahan lafaz cerai di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003. Dalam kes ini, mahkamah telah menyabitkan dan mengesahkan lafaz talak defendan sebagai lafaz yang sah sabit. Plaintif mengadu telah membawa defendan merawat dan ketika rawatan, defendan dikatakan tidak sedarkan diri, serta berkemungkinan dirasuk. Dalam keadaan, demikian, defendan dikatakan telah melafazkan cerai dengan talak satu terhadap plaintif. Defendan seterusnya mengaku bahawa ketika lafaz talak diucapkan, beliau adalah dalam keadaan tidak sedar terhadap apa yang telah dilafazkan. Mahkamah dalam kes ini telah mengambil pendekatan dengan menyabitkan lafaz perceraian tersebut kerana kedua-dua pasangan gagal mengemukakan bukti bahawa defendan dalam keadaan tidak sedar atau disihir.

Bagi kes terakhir pula ialah kes saman no. 10003-054-1586-2014 MRS Klang Selangor antara Shazali bin Ayub *lwn* Zuraidah binti Mat Ghani di mana kes ini adalah berpandukan seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor di mana plaintif memohon pengesahan cerai. Plaintif di dalam penyata tuntutan menyatakan bahawa beliau ada melafazkan cerai terhadap defendan, akan tetapi berada dalam keadaan tidak sedarkan diri. Talak tersebut telah dilafazkan ketika plaintif sedang menjalani rawatan di sebuah pusat rawatan Islam Ameen di Segambut yang dihadiri oleh dua orang yang dianggap saksi dalam kalangan ahli keluarga plaintif sendiri. Saksi kejadian mendakwa mendengar lafaz talak diucapkan bukan dalam suara plaintif tetapi suara yang berlainan. Oleh itu, Mahkamah telah mengarahkan plaintif supaya mendatangkan saksi termasuklah perawat yang dinyatakan, tetapi perawat yang terlibat tersebut telah menghilangkan diri tanpa dapat dikesan. Maka, keterangan saksi tidak dapat diambil kerana saksi gagal hadir di hadapan Hakim. Disebabkan itu, Mahkamah telah meminta plaintif agar bersumpah bagi membuktikan bahawa plaintif benar-benar berada dalam keadaan tidak sedar semasa melafazkan cerai. Mahkamah dalam kes ini telah menyabitkan tidak berlaku perceraian dan pernikahan plaintif dengan defendan dikekalkan. Meskipun demikian, dakwaan sihir itu juga tidak dapat dibuktikan dan Mahkamah dalam hal ini telah menggunakan kaedah sumpah untuk sabitan (Zainal Abidin Kusmin, 2016: 8-10)

REALITI PENGENDALIAN SEMASA KES PERCERAIAN DENGAN DAKWAAN SIHIR

Malaysia masih belum membentuk menggubal sebarang prosedur dan peruntukan khusus berkenaan pengendalian kes-kes melibatkan dakwaan sihir dan ilmu hitam sama ada di peringkat mahkamah syariah yang menjadi fokus utama kajian mahupun di mahkamah sivil.

Berdasarkan pemerhatian di mahkamah syariah khususnya di Selangor, adalah dapat disimpulkan bahawa mahkamah tidak membicarakan kes-kes perceraian melibatkan dakwaan pengaruh ilmu hitam dan sihir berpandukan kepada undang-undang sihir berikutan ketiadaan prosedur khusus untuk mengendalikan kes sedemikian. Bagi kes-kes sebegini, lazimnya dakwaan terdapat unsur sihir timbul apabila pihak-pihak mengemukakan keterangan dan pembuktian berkaitan unsur sihir yang berlaku dalam perkahwinan mereka sebagai menguatkan lagi hujah bagi kes tersebut.

Beberapa contoh kes terkini di Selangor sebagaimana telah dihuraikan di atas menunjukkan bahawa kes perceraian dengan dakwaan sihir hakikatnya adalah wujud di mahkamah syariah yang mana majoritinya melibatkan kes permohonan pengesahan lafaz cerai dan juga kes permohonan perceraian. Melalui penelitian kepada kes-kes yang dicatatkan tersebut, hakim-hakim mahkamah syariah di Negeri Selangor didapati mengambil pendekatan selamat dengan menolak sebarang dakwaan sihir dalam kes tersebut sebaliknya hanya menumpukan kepada keterangan dan bukti yang dikemukakan berdasarkan kepada peruntukan sedia ada di mahkamah syariah sebelum membuat keputusan. Hasil penelitian lanjut mendapati bahawa penolakan tersebut adalah berpunca daripada ketidakupayaan mahkamah dalam mengendalikan kes melibatkan sihir sedemikian disebabkan wujudnya kelompangan undang-undang berkaitan sihir yang boleh dirujuk. Hal ini kerana, jika sesebuah kes ingin dibicarakan berdasarkan dakwaan sihir, maka kemudiannya akan timbul pula persoalan mengenai bagaimanakah kayu ukur untuk memastikan kebenaran dakwaan tersebut. Penolakan oleh mahkamah dalam hal ini juga adalah berasaskan alasan bahawa masih terdapat kelemahan prosedur sedia ada dari segi pendakwaan dan pembuktian bagi mengendalikan kes sedemikian. Malah, sekiranya mahkamah mengambil pendekatan untuk menerima dakwaan sihir tersebut, adalah dikhuatiri bahawa ia bakal memberikan kesukaran kepada mahkamah membuat keputusan sewajarnya disebabkan oleh kekurangan bukti bagi mengesahkan wujudnya dakwaan sihir tersebut.

Meskipun demikian, kewujudan penggunaan sihir dalam kes perceraian atau apa-apa kes kekeluargaan yang lain adalah tidak dinafikan oleh hakim-hakim tersebut. Namun begitu, mahkamah dilihat tetap berpendirian menolak serta tidak mempertimbangkan dakwaan sihir yang dikemukakan dalam kes perceraian ini atas alasan-alasan tertentu. Mahyuddin Ismail (2012: 267) menjelaskan bahawa terdapat dua alasan utama bagi penolakan oleh mahkamah dalam hal ini, iaitu alasan pertama adalah disebabkan pihak yang mendakwa itu gagal membuktikan kepada mahkamah bahawa wujudnya unsur sihir dalam perkahwinan, manakala alasan kedua pula adalah disebabkan ketiadaan garis panduan dan peruntukan undang-undang yang khusus bagi menangani isu berkenaan. Selain dilihat dari sudut keterangan dan pembuktian dalam mahkamah, penggubalan undang-undang jenayah berkaitan sihir ini juga tidak kurang pentingnya untuk segera dikuatkuasa dan dilaksanakan. Hal yang demikian kerana perundangan jenayah sedia ada masih tidak mencukupi terutamanya apabila melibatkan aspek pembuktian bagi kesalahan jenayah sihir. Disebabkan itu, pelaku sihir rata-ratanya bebas mengamalkan sihir serta menjadi semakin berani untuk melakukan jenayah melalui penggunaan sihir dan ilmu hitam. Elemen niat (*mens rea*) bagi sesebuah kes jenayah adalah amat penting dalam membuktikan wujudnya kesalahan. Namun demikian, pembuktian kepada elemen niat tersebut dalam kebanyakan kes jenayah berunsurkan sihir adalah sukar untuk dikesan berikutan ia biasanya dikaitkan dengan ilmu ghaib (Najwa Farhana Wahid, 2015: 8-9).

Pembuktian merupakan elemen yang amat penting dalam undang-undang keterangan yang perlu dikemukakan bagi setiap prosiding perbicaraan. Dalam usaha untuk mendapatkan sesuatu kebenaran, setiap fakta mahupun apa-apa isu yang dibangkitkan mestilah disokong dengan bukti agar proses bagi mencapai keadilan semasa proses perbicaraan dapat dilaksanakan sebaiknya (Muna Hamzan et al., 2021: 13). Bagi pengendalian kes perceraian melibatkan dakwaan sihir ini pula adalah sangat berkait rapat dengan aspek beban pembuktian yang bertujuan memperkukuhkan fakta berkaitan kes. Pada dasarnya, beban pembuktian dalam sesuatu kes sama ada bagi kes jenayah ataupun kes mal atau sivil adalah terletak atas pihak yang mendakwa. Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan sebagaimana berikut:

Seksyen 72. Beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes mal.

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda'ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Muda'a 'alaih).

Peruntukan tersebut jelas menunjukkan bahawa beban untuk membuktikan sesuatu fakta itu adalah terletak kepada pihak yang mendatangkan fakta berkenaan. Dalam kes perceraian dengan dakwaan sihir pula, pihak yang mengatakan bahawa terdapatnya unsur sihir yang berlaku perlulah mengemukakan bukti dan keterangan seperti terdapatnya simptom berkaitan sihir terhadap mangsa atau melalui keterangan keadaan dalam perkahwinan. Elemen keterangan keadaan sebagai bukti di mahkamah misalnya boleh dilihat menerusi kes Pendakwa Syarie Pahang *lwn* V.V.Aboo a/l M. Ahammu [1991] 7(2) JH 235 elemen keterangan keadaan atau disebutkan sebagai qarinah telah digunakan bagi membuktikan kesalahan perjudian oleh tertuduh. Dalam kes tersebut, fakta bahawa tertuduh memasuki kasino 'bersama kawan' dan bukannya untuk 'mencari kawan' yang dikemukakan oleh pendakwa telah diterima oleh mahkamah sebagai qarinah berkenaan niat tertuduh untuk melakukan perjudian.

Sehubungan itu, jika berlaku keadaan di mana suami hilang kewarasan dan secara tiba-tiba melafazkan talak atau isteri sering mengugut suami agar menceraikannya tanpa sebab, maka fakta tersebut perlulah dibuktikan oleh pihak yang menanggung beban bukti ataupun mendakwa wujudnya unsur sihir dalam perkahwinan mereka (Mahyuddin Ismail et al, 2014: 3). Namun begitu, pertimbangan oleh mahkamah mengenai unsur sihir ini perlulah dilakukan dengan begitu cermat dan berhati-hati berikutan keadaan tersebut berkemungkinan dapat dikelirukan dengan simptom penyakit fizikal dan mental atau gangguan kesihatan yang lain. Muna Hamzan (2020:412) dalam kajiannya menjelaskan bahawa amalan perbomohan mahupun ilmu hitam ini yang semakin berleluasa telah menimbulkan kekeliruan masyarakat terhadap konsep amalan pengubatan Islam dengan amalan perbomohan berbentuk sihir. Di antara aspek yang seringkali dieksploitasikan adalah seperti terdapatnya kaedah rawatan perbomohan yang dengan sengaja memperdayakan masyarakat melalui penggunaan bacaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa tertentu semasa sesi rawatan perbomohan dilakukan.

Selaras dengan tanggapan umum, simptom seperti hilang kewarasan menjadi elemen penting dalam menghubungkaitkannya dengan kes-kes melibatkan sihir. Sehubungan itu, para

ulama berpendapat bahawa seseorang yang melafazkan talak semasa dalam keadaan hilang kewarasan, maka talak tersebut adalah dianggap tidak sah. Ini adalah selari dengan pandangan Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah iaitu:

“Dan sesiapa yang disihir sehingga sampai ia ke tahap dia tidak menyedari apa yang diucapkan, maka talak tersebut tidak berlaku. Manakala sekiranya sihir (yang dikenakan) itu tidak menyebabkan perubahan pada kewarasan akal dan kesedarannya, seperti (sihir untuk) menghalangnya dari melakukan persetubuhan sahaja, maka talak itu sah.”

Jika diteliti lanjut mengenai kes-kes berkaitan dakwaan sihir di mahkamah, majoriti dakwaan adalah memfokuskan kepada alasan ‘tidak sedar melafazkan talak’ kerana hilang kewarasan dan tidak mampu mengawal badan sendiri akibat berada bawah pengaruh sihir (Mahyuddin Ismail, 2012: 4). Situasi tersebut di mana kes-kes talak dilafazkan tanpa sedar akibat hilang kewarasan akal fikiran adalah dihukumkan sebagai tidak sah mengikut hukum syarak. Namun dalam konteks semasa, setiap perceraian yang berlaku perlulah mendapatkan pengesahan daripada mahkamah syariah serta mengikut undang-undang yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepada realiti wujudnya kes-kes perceraian melibatkan unsur sihir, maka kaedah pembuktian adalah amat diperlukan dengan cara mewujudkan tatacara dan prosedur khusus bagi mengendalikan kes-kes seperti ini.

CADANGAN KAEDAH PENGENDALIAN BAGI KES SIHIR

Pakar-pakar perundangan telah giat berusaha mengetengahkan isu berkenaan ketiadaan prosedur khusus bagi mengendalikan kes-kes jenayah dan juga mal yang melibatkan sihir di mahkamah syariah. Antara cadangan pengendalian yang telah diutarakan adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan peruntukan khusus berkenaan sihir dalam kes jenayah, mal dan sivil.

Secara asasnya, mana-mana peruntukan undang-undang yang didapati terdapat konflik pertembungan di antara bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah perlulah dipinda atau diharmonisasikan pelaksanaannya agar keadilan dapat ditegakkan sewajarnya. Cadangan tersebut merupakan antara yang terpenting untuk diberikan perhatian memandangkan situasi semasa menunjukkan terdapat konflik bidang kuasa mahkamah yang timbul berkenaan penggubalan undang-undang yang melibatkan isu sihir. Ini kerana bidang kuasa perlu ditentukan menerusi mahkamah mana yang lebih layak mengendalikan kes-kes jenayah, mal atau sivil yang berkait dakwaan sihir.

Memandangkan hal tersebut, penentuan mahkamah yang berbidang kuasa secara eksklusif bagi mengendalikan kes-kes yang berkait dakwaan sihir hendaklah ditentukan dengan mempertimbangkan mengenai pelaksanaan undang-undang mahupun penguatkuasaan hukuman kepada pengamal sihir dapat ditangani secara adil. Khusus bagi kes-kes perceraian dengan dakwaan unsur sihir dalam kalangan masyarakat melayu-Islam, jelas di sini bahawa kes sedemikian adalah tertakluk dalam undang-undang keluarga Islam yang terletak di bawah bidang kuasa mal mahkamah syariah. Justeru itu, penentuan bidang kuasa yang layak untuk

mengendalikan kes perceraian sebegini adalah perlu diberikan kepada mahkamah syariah agar tidak menimbulkan kerumitan kepada pihak-pihak yang memohon di mahkamah tersebut. Di samping itu, penentuan kes perceraian sebegini yang diletakkan di bawah bidangkuasa mahkamah syariah juga merupakan mekanisme penting bagi memperluaskan lagi bidang kuasa mahkamah syariah seterusnya memartabatkan lagi institusi kehakiman Islam di negara ini.

Selain daripada aspek bidang kuasa, antara langkah terpenting yang perlu diambil bagi menjadikan kes-kes melibatkan sihir ini dapat ditangani sebaiknya adalah dengan mewujudkan akta atau enakmen khusus berkenaan amalan sihir tersebut. Dengan adanya akta atau enakmen khusus sedemikian, maka prosedur-prosedur penyiasatan, penangkapan dan perbicaraan jenayah dapat dibentuk. Selain itu, bagi kes mal seperti perceraian dengan dakwaan sihir pula, penggubalan undang-undang khusus berkaitan sihir ini sama ada berbentuk substantif mahupun prosedur sudah tentu akan memberikan perkembangan positif terhadap pengendalian kes di mahkamah dengan lebih teratur. Walau bagaimanapun, draf undang-undang berkaitan sihir yang telah diusahakan oleh pakar-pakar perundangan sehingga kini masih belum dapat diluluskan disebabkan oleh beberapa halangan yang timbul. Hal ini kerana, usaha untuk mewujudkan undang-undang baharu adalah merupakan satu proses yang amat rumit serta mengambil masa yang lama berikutan melibatkan banyak pihak serta berkait dengan pelbagai aspek untuk dipertimbangkan. Meskipun undang-undang berkaitan sihir ini belum dapat digubal dan dilaksanakan, namun segala usaha yang giat dilakukan ke arah penggubalan undang-undang berkenaan sihir ini telah membuka mata banyak pihak tentang kewujudan dan keseriusan isu sihir ini dalam masyarakat (Mohd Sabree Nasri, 2015: 56).

Oleh kerana pembentukan sesebuah undang-undang khusus adalah rumit dan mengambil tempoh masa yang lama, maka sebagai alternatifnya pihak berkuasa boleh meminda mana-mana peruntukan berkaitan di dalam enakmen yang sedia ada. Antara peruntukan yang boleh dipinda adalah menerusi seksyen 32 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 iaitu mengenai perbuatan memujuk atau membawa lari seorang perempuan bersuami. Pindaan yang dibuat adalah menerusi perluasan tafsiran dengan memasukkan pihak pengamal sihir sebagai pihak yang boleh didapati melakukan kesalahan sekiranya memenuhi elemen di dalam seksyen ini termasuklah apabila menggunakan ilmu pukau dan guna-guna (Mahyuddin Ismail, 2012: 5-6).

Selain itu, pindaan juga boleh dibuat terhadap seksyen 33 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 iaitu mengenai menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri di mana pengamal sihir juga adalah boleh disabitkan bersalah sekiranya melakukan kesalahan menerusi seksyen ini. Berikutan kedua-dua pindaan terhadap peruntukan sedia ada tersebut berada di bawah undang-undang jenayah syariah, maka alternatif semasa yang boleh dilakukan adalah dengan hanya meminda beberapa peruntukan tersebut dan secara tidak langsung, dapat memberi kesan terhadap perluasan bidang kuasa mahkamah syariah sama ada dalam lapangan undang-undang mal dan juga jenayah syariah bagi mengendalikan kes berunsur sihir ini.

2. Memantapkan prosedur pembuktian dakwaan sihir.

Cadangan pengendalian melibatkan kes sihir ini selanjutnya adalah dengan cara memantapkan prosedur pembuktian dakwaan sihir di mahkamah. Antara kaedah yang dapat membuktikan

dakwaan sihir tersebut adalah di mana pihak yang mendakwa sama ada suami ataupun isteri dapat membuktikan berlakunya simptom gangguan sihir yang berlaku semasa dikemukakan mahkamah. Simptom-simptom yang dialami oleh mangsa sihir biasanya dapat dilihat secara jelas pada kelakuan dan fizikal mangsa. Walaupun ilmu sihir merupakan salah satu ilmu berkaitan perkara ghaib, akan tetapi kesannya masih boleh kelihatan pada mata kasar manusia serta boleh digunakan sebagai petunjuk bahawa seseorang itu telah disihir. Berikut disenaraikan simptom-simptom yang lazim terdapat pada mangsa sihir (Mahyuddin Ismail, 2012: 268-270):

- a. Simptom pada fikiran dan perasaan.
 - i. Mangsa menjadi resah dan gelisah sehingga tidak boleh tidur malam, sering bermimpi buruk dan mengerikan, mimpi dikejar binatang buas atau lembaga hitam, mimpi disengat haiwan berbisa seperti ular, kala jengking atau mimpi jatuh dari tempat yang tinggi.
 - ii. Fikiran mangsa menjadi tidak keruan dan berserabut meracau-racau, ketawa mengilaingilai atau bercakap seorang diri. Kadang-kadang tindakannya terjadi dengan sendiri tanpa dapat dikawal. Mangsa mudah marah yang bersangatan tanpa sebab.
 - iii. Sentiasa teringat seseorang, rasa hendak lari dari rumah, tercengang-cengang dan mudah lupa, tidak tetap di satu-satu tempat, tidak fokus pada suatu pekerjaan dan kerap berjalan waktu tidur.
 - iv. Perasaan cinta dan sayang yang menggila kepada seseorang yang baru dikenali, berasa terlalu ingin melakukan persetubuhan dengan seseorang, berasa seseorang itu manusia paling cantik, mengikut perintah seseorang secara membabi buta.
 - v. Terdengar suara atau bisikan yang memanggil atau menyuruhnya melakukan sesuatu, seperti memukul, membunuh orang, membunuh diri sendiri dan seumpamanya.
- b. Simptom pada anggota tubuh badan (fizikal).
 - i. Mangsa berasa badannya sakit mencucuk-cucuk, terasa panas, terasa bisa-bisa, terasa kebas, berkudis seluruh tubuh dengan bau yang busuk.
 - ii. Selalu timbul tompok lebam berwarna biru kehitaman pada anggota tertentu tubuh seperti lengan atau celah peha.
 - iii. Mengalami sakit kepala pada waktu tertentu terutama menjelang senja atau tengah malam.
 - iv. Dapat melihat atau mendengar sesuatu yang tidak dapat dilihat atau didengar oleh manusia lain.
 - v. Alat kelamin mati tiba-tiba apabila hendak bersetubuh.
 - vi. Badan terasa berat seperti memikul sesuatu dan terasa seperti ada sesuatu yang mencakar-cakar belakangnya atau telinganya.
 - vii. Mangsa terhidu bau busuk di merata-rata tempat. Kadang-kadang orang di sekelilingnya juga boleh menghidu bau tersebut.

- c. Simptom pada kediaman dan tempat tinggal.
 - i. Mangsa berasa tidak selesa tinggal di dalam rumah atau premis, terasa panas dan berserabut. Apabila keluar, rasa lega dan aman.
 - ii. Terdapat gangguan aneh di kediaman atau premis seperti dinding diketuk dan dicakar, paip air dan lampu tiba-tiba terpasang, api tiba-tiba menyala dengan sendiri.
 - iii. Jelmaan bayangan menakutkan dan bunyi yang pelik di premis.
- d. Simptom pada hubungan dengan ahli keluarga.
 - i. Rumah tangga sentiasa bergelora dan perkelahian antara suami isteri sentiasa berlaku walau disebabkan kesalahan yang kecil.
 - ii. Rasa benci bersangatan apabila bertemu pasangan, tetapi apabila berjauhan, rasa rindu dan sayang yang teramat.
 - iii. Nampak muka pasangan sangat hodoh dan menakutkan.
 - iv. Berasa sangat sakit bila dipegang atau disentuh pasangan.
- e. Simptom pada prestasi kerja atau perniagaan.
 - i. Sekiranya mangsa menjalankan perniagaan, pelanggan yang datang ke kedainya nampak seolah-olah kedainya ditutup walaupun sebenarnya dibuka.
 - ii. Pkerjanya juga sentiasa bertukar dan tidak senang dengan majikan.
 - iii. Pekerja yang asalnya cemerlang tiba-tiba berubah menjadi malas, berat untuk datang kerja, lupa jalan untuk ke tempat kerjanya.
- f. Simptom pada hubungan dengan masyarakat.
 - i. Sentiasa menolak pinangan orang tanpa sebab.
 - ii. Mangsa lebih suka menyendiri tidak mahu bergaul dengan orang sekeliling.
 - iii. Menjadi amat pemalu dan segan tidak bertempat.
 - iv. Mula membenci kawan-kawan dan tidak mahu bercakap dengan mereka, fikiran selalu berserabut dan pening kepala berpanjangan.

Simptom-simptom di atas merupakan petunjuk asas yang menunjukkan bahawa seseorang itu telah terkena sihir yang dihantar oleh orang lain. Simptom atau ciri-ciri tersebut boleh menjadi garis panduan bagi mahkamah untuk mengenal pasti simptom yang ditunjukkan oleh mangsa sihir. Mahkamah juga misalnya boleh mengarahkan mangsa atau pihak yang mendakwa terkena sihir tersebut untuk menjalani sesi rawatan yang dipantau oleh satu badan jawatankuasa khas. Proses mengenal pasti keadaan mangsa sihir melalui sesi rawatan tersebut juga perlu dicatat serta dirakam sebagai laporan kepada hakim bicara. Selain daripada keterangan saksi pakar dan juga saksi-saksi lain, laporan berkenaan rawatan ini turut dapat dijadikan sebagai bukti penting dalam menentukan kewujudan unsur sihir pada mangsa.

3. Mewujudkan pusat rawatan tradisional dan komplementari seliaan satu pusat.

Dari sudut pembuktian dan pendakwaan sihir di mahkamah, isu kredibiliti dalam hal pendapat pakar (*ra'yu al-kabir*), seringkali menjadi masalah yang timbul terutamanya bagi membuktikan kewujudan sebarang unsur sihir. Menurut Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor (2020: 38) Keterangan pendapat pakar adalah bermaksud pendapat yang diberikan oleh seseorang mengenai sesuatu perkara berdasarkan kepada kepakaran, kemahiran, pengetahuan serta pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang. Dalam hal ini, pakar tersebut juga boleh melakukan beberapa hal berikut seperti memberikan pandangannya tanpa melihat sesuatu fakta, membincangkan tentang penyelidikan yang telah dijalankan, merujuk kepada bahan ilmiah serta kes-kes lain yang mempunyai persamaan fakta sebagai autoriti yang menyokong pendapatnya semasa mahkamah.

Keterangan daripada mangsa sihir kebiasaannya tidak mampu membuktikan bahawa mereka berada di bawah pengaruh sihir atau telah terkena gangguan sihir. Hal yang demikian kerana gangguan sihir merupakan perkara ghaib dan berunsurkan mistik serta tidak dapat dilihat dengan hanya menggunakan mata kasar. Maka dengan itu hanya pakar-pakar berkaitan ilmu sihir, rawatan tradisional serta rawatan Islam sahaja yang berkebolehan untuk menentukan sama ada mangsa telah terkena gangguan sihir. Oleh sebab itu, adalah menjadi satu keperluan untuk mewujudkan pusat-pusat rawatan Islam, tradisional dan komplementari secara sah di sisi undang-undang bagi tujuan mendapatkan khidmat golongan yang arif berkenaan ilmu ghaib ini untuk mengesahkan sesuatu sihir yang dialami oleh mangsa. Penubuhan pusat-pusat ini akan membawa manfaat kepada masyarakat dan institusi kehakiman, iaitu:

- a. Pihak mahkamah dapat memastikan tahap keboleh terimaan keterangan dan bukti yang dikemukakan oleh ahli-ahli pusat rawatan yang telah ditapis khas berasaskan standard syarak dan undang-undang.
- b. Dengan mengadakan kerjasama di antara pusat-pusat rawatan dan institusi kehakiman, mahkamah dapat mengendalikan kes-kes perceraian (mal) dan kes jenayah yang melibatkan unsur sihir dengan lebih lancar. Di samping itu, perbicaraan kes akan dibicarakan dengan lebih adil dan saksama kerana unsur sihir dapat di sekalikan dalam proses perbicaraan. Maka tidak ada perkara yang diketepikan.
- c. Masyarakat akan lebih sedar akan realiti gangguan sihir dalam kes-kes perkahwinan dan akan mendapatkan rawatan awal sebagai langkah berjaga-jaga. Secara tidak langsung, hal ini dapat membantu mengurangkan kadar perceraian di negara ini seterusnya menggalakkan kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat.

Namun begitu, usaha untuk menjayakan cadangan ini perlulah dibuat secara teliti kerana ia juga boleh terdedah kepada risiko-risiko negatif sebagaimana berikut:

- a. Perawat yang tidak diiktiraf melalui standard yang telah ditetapkan oleh institusi kehakiman boleh diterima masuk kerana korupsi seperti rasuah dan budaya nepotisme.
- b. Perawat tidak kompeten serta tidak mempunyai kepakaran dan ilmu yang diperlukan dalam bidang sihir. Pesakit dalam situasi ini terpaksa berbelanja wang yang banyak tetapi masih juga tidak sembuh.

- c. Penggunaan rawatan yang tidak suci dan melanggar batas syarak seperti menggunakan bahan yang haram atau merawat menggunakan jampi serapah yang berasaskan pemujaan syaitan dan syirik.
- d. Risiko berlakunya kejadian jenayah di mana perawat menggunakan ilmu sihir untuk memukau pelanggan, merompak, cabul mahupun rogol.

Bagi memastikan cadangan ini berhasil, pusat-pusat rawatan begini perlu ditubuhkan dan dikawal selia oleh satu badan atau jawatankuasa yang bertindak memantau, mentadbir dan mengawal pusat-pusat rawatan tersebut secara langsung. Ini bermaksud, penubuhannya adalah ditadbir secara berpusat bagi menyelia keseluruhan pusat-pusat rawatan di seluruh negara dan boleh mengambil tindakan sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap arahan dan amalan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa. Selain itu, mana-mana pusat rawatan yang hendak bernaung di bawah rangkaian pusat rawatan yang diselia tersebut juga perlulah melepasi penilaian yang disediakan oleh jawatankuasa pusat. Dalam hal ini, syarat persijilan misalnya perlulah dipatuhi disertai dengan pematuhan terhadap logo patuh syariah bagi pusat rawatan tradisional dan komplementari yang dikeluarkan oleh jawatankuasa pusat (Mahyuddin Ismail, 2012: 7).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tidak dapat dinafikan bahawa fenomena perceraian dan pembubaran perkahwinan di Negeri Selangor adalah melibatkan faktor gangguan sihir oleh pihak ketiga seperti menggunakan sihir pemisah bagi merosakkan rumahtangga atau memecahbelahkan hubungan pasangan yang berkahwin. Penelitian terhadap beberapa kes perceraian melibatkan unsur sihir yang berlaku khususnya di Negeri Selangor juga menunjukkan bahawa terdapat hubung kait di antara amalan sihir yang berlaku dalam kalangan masyarakat dengan peningkatan kadar perceraian di Selangor. Meskipun terdapat usaha bagi membendung pengamalan sihir ini melalui penggubalan undang-undang yang khusus, namun begitu penggubalan undang-undang tersebut masih belum dapat dilaksanakan sehingga kini serta menjadi antara faktor yang mengekang pengendalian kes melibatkan dakwaan sihir untuk dibicarakan secara teratur di mahkamah. Kekangan tersebut juga antara lain disebabkan oleh tiada badan berkepakaran yang diiktiraf serta seragam dalam mengendalikan kes melibatkan sihir dan ilmu hitam ini. Situasi sedemikian jelas dapat membantutkan usaha keadilan secara menyeluruh terhadap masyarakat khususnya bagi pihak-pihak yang bertikai. Justeru itu, usaha penambahbaikan melalui implementasi undang-undang bagi mengendalikan kes perceraian melibatkan dakwaan sihir di mahkamah syariah ini adalah amat diperlukan agar matlamat syarak dan undang-undang syariah dalam menjamin hak dan keadilan masyarakat dapat direalisasikan.

RUJUKAN

Ainun Jariah Mat Hassan (2016). Amalan Budaya Sihir (Santau) dan Rawatan Dalam Masyarakat Melayu (Disertasi Ijazah Sarjana Muda), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak.

- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, (En. 2, 2003).
- Hasniza Hussain (17 Mac 2021). Tubuh Jabatan Siasatan Khas. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/128818/LAPORAN-KHAS/Tubuh-jabatan-siasatan-khas>
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) (2018). Mahkamah Syariah Selangor Kaji Guna Pakar Makhluk Halus. Diakses daripada
<https://www.jakess.gov.my/pdffile/keratan%20akhbar%202018/04072018-Pakar%20Makhluk%20halus%20diperlukan.pdf> pada 21 April 2022.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2013). Panduan Pengurusan Nikah di Malaysia. Diakses daripada http://www.sppim.gov.my/pdf/panduan/panduan_pengurusan_nikah.pdf pada 21 April 2022.
- Junhairi Alyasa. (18 Mac 2021). Jenayah Sihir Boleh Dibuktikan Melalui DNA. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/128985/LAPORAN-KHAS/Jenayah-sihir-boleh-dibuktikan-melalui-DNA>
- Khadher Ahmad & Sedek Ariffin (2013). Pemahaman Imam Al-Bukhari Terhadap Hadith Nabi SAW Disihir: Satu Analisis. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berimpak*, 5, 25-48.
- Mahyuddin Ismail (2012). Cadangan Prosedur Kendalian Standard Bagi Kes Melibatkan Sihir di Mahkamah Syariah. *KANUN*, 24(2), 262-274.
- Mahyuddin Ismail (2012). Keperluan Transformasi dalam Perundangan Syariah Bagi Menangani Kes Mal dan Jenayah Melibatkan Ilmu Sihir: Satu Saranan. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama & Pendakwa Syari'e Malaysia pada 20-22 September 2012.
- Mahyuddin Ismail, Abdul Jalil Borham & Sharifah Intan Safina. (2014). Bewitchment As A Defence In Divorce Cases: An Analysis From Islamic Law Perspective. Kertas kerja dibentangkan di Proceedings of The International Academic Conference on Law & Politics di Istanbul, Turkey pada 26-27 April 2014.
- Mahyuddin Ismail, Zulfakar Ramlee, Jahid Sidek. (2017). Kesalahan Jenayah Sihir: Analisa Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Brunei Darussalam. *Borneo Research Journal*, 11, 60-71.
- Mariam Abd Majid & Mohammad Syafirul Zarif (2017). Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 Hingga 2015. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 40-53.
- Mas Fazlin bin Mohamad Jailani lwn Abdul Halim bin Din Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Kes Mal No. 10002-055-0506-2014 (Kes tidak dilaporkan)
- Mohd Nizam Sahad & Shuhairimi Abdullah (2013). Santau dan Masyarakat Melayu: Analisis dari Perspektif Akidah Islam. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(2), 223-242.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor (2020). Kategori Keterangan Pendapat Pakar Di Mahkamah Syariah: Isu Dan Cadangan Pelaksanaan Undang-Undang. *Journal of Shariah Law Research (JSLR)*, 5(1), 35-54.
- Mohd Sabree Nasri (2015). Jenayah Sihir di Malaysia: Permasalahan dan Cadangan Pelaksanaan Undang-undang. *JUUM*, 19, 51-58.

- Muna Hamzan (2020). Garis Panduan Mengenai Amalan Sihir Menurut Perspektif Islam. *Islam Universalia - International Journal of Islamic Studies and Social Sciences*, 2(2), 392-408.
- Muna Hamzan (2020). Garis Panduan Pemakaian Pakar Pengubatan Islam Sebagai Suatu Keterangan Pendapat Pakar Bagi Kes Jenayah Sihir. *Islam Universalia - International Journal of Islamic Studies and Social Sciences*, 2(2), 410-435.
- Muna Hamzan, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda (2021). Keterangan Pakar Pengubatan Islam Sebagai Pendapat Pakar Bagi Kes Melibatkan Sihir Di Mahkamah Syariah. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 1(1), 12-25.
- Mustafa Batcha lwn Habeeba Abd. Rahman [1410] JH 41 dan [1412/1990] 7 JH 225
- Najwa Farhana Wahid @ Ab Wahid (2015). Transformasi Dalam Perundangan: Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Oleh Mahkamah Syariah Di Malaysia Dalam Menangani Jenayah Sihir (Disertasi Ijazah Sarjana Muda), Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah & Syazwana Aziz (2016). Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, 1(1), 36-52.
- Pendakwa Syarie Pahang lwn V.V. Aboo A/L M. Ahammu [1991] 7(2) JH 235
- Raihanah Abdullah (2000). Talaq Tiga: Analisis Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah. *Jurnal Syariah*, 8(2), 139-154.
- Rozila Mat Don lwn Abdul Rashidi Ahmad Shamsuil Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Kes Mal No. 10001-054-1826-2014 (Kes tidak dilaporkan)
- Shahrul Nizam Kadir lwn Elina Ibrahim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Kes Mal No. 10005-054-1718-2012 (Kes tidak dilaporkan)
- Shazali Ayub lwn Zuraidah Mat Ghani Mahkamah Rendah Syariah Klang, Kes Mal No. 10003-054-1586-2014 (Kes tidak dilaporkan)
- Zainal Abidin Kusmin (2017). Membangun Prosedur Khusus Bagi Mengendali Kes Perceraian Akibat Dakwaan Sihir. Kertas kerja dibentangkan di *4th International Conference On Human Sustainability (INSAN 2017)* pada 1-2 November 2017.
- Zulkefli Zakaria lwn Siti Rubiah binti Sibadar Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Kes Mal No. 10002-154-1021-2008 (Kes tidak dilaporkan)